

Tahap Pembuktian Di Dalam Kes-kes Jenayah: Kajian Perbandingan Antara Undang-undang Islam dan Sivil

Ashraf bin Md. Hashim

Abstract

The existence of a just judiciary system is very importance to ensure justice, peace and harmony in a country. One of its principles is related to a burden of proof in order to protect the public from wrongdoing of criminals and at meantime to protect the accused of being sentenced without proper trial. In terms of burden of proof is concerned, this article tries to make a comparison between Islamic criminal law and conventional ones. In short, both systems have different degrees of proof either in criminal cases or civil. It is discussed here cases particularly related to qīṣās, ḥudūd and ta'zīr in Islam. It is found that there are similarities in terms of burden of proof between the two. However, there are also differences. Therefore, this article attempts to analyze and criticize these differences and to suggest which one is the best to be applied in the court in order to do justice both to the accused and the victims.

Pengenalan

Salah satu unsur penting yang dapat menjamin keamanan dan keharmonian

sesebuah negara adalah wujudnya sistem kehakiman yang adil. Antara tonggak kepada keadilan sistem kehakiman itu sendiri adalah ia seharusnya berlandaskan kepada tahap pembuktian berkesan yang dapat menjaga dan membela masyarakat umum dengan hukuman yang dijatuhkan ke atas penjenayah dan dalam masa yang sama dapat juga menjaga yang tertuduh dari dizalimi. Apa yang dimaksudkan dengan “tahap pembuktian” atau disebut juga sebagai “berat beban membuktikan” ialah sekadar manakah sesuatu keterangan itu diperlukan untuk membolehkan disabit sesuatu kesalahan.¹

Namun, dilema di dalam menentukan tahap pembuktian adalah sama ada ianya perlu ditetapkan pada tahap yang terlalu tinggi sehinggakan seseorang yang kemungkinan bersalah akan dilepaskan, atau pada tahap yang terlalu rendah sehinggakan seseorang yang mungkin tidak bersalah dihukum.

Tokoh-tokoh perundangan mempunyai pandangan yang berbeza di dalam mencari tahap pembuktian yang sesuai dan praktikal untuk dipakai. Sebahagian dari mereka seperti Fortescue dan Sir Edward Seymour berpendapat bahawa tahap pembuktian perlulah di tahap yang maksimum (yakin tanpa sebarang keraguan). Bagi mereka, melepaskan sepuluh atau lebih orang yang bersalah (kerana ingin menjaga tahap pembuktian yang tinggi) adalah lebih baik dari kesilapan menghukum seorang yang tidak bersalah. Namun, pendapat ini tidak disokong oleh sebahagian tokoh lain seperti Paley dan Sir Carlton Allen. Mereka berpendapat bahawa jika tahap pembuktian maksimum yang diperlukan, maka boleh dikatakan hampir mustahil penjenayah dapat dihukum dan seterusnya senario ini akan membawa kepada hilangnya fungsi sistem keadilan dan rakyat akan berada di dalam keadaan yang resah (kerana penjenayah yang lepas). Mereka menambah bahawa jikapun ada kes di mana orang yang tidak bersalah telah dihukum, ianya dianggap sebagai suatu pengorbanan kepada negara dan masyarakat umum.²

Dilema yang disebutkan di atas menggambarkan betapa pentingnya peranan dan kesan tahap pembuktian di dalam sistem perundangan. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat menghuraikan secara menyeluruh isu ini dari perspektif Islam dan undang-undang sivil, seterusnya dapat memberikan analisa dan cadangan ke arah meningkatkan sistem yang ada demi menegakkan keadilan.

Jenis-jenis Tahap Pembuktian Dalam Islam

Tahap pembuktian boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu *yaqin*, *zann*, *syak* dan *waham*. Pembahagian kepada beberapa tahap pembuktian ini telah dirangkumkan oleh Allah SWT melalui firmanNya (bermaksud):

“...dan kerana ucapan mereka: ‘Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masīh, ‘Isā putera Maryam Rasulullah,’ padahal

mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan 'Isā. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) 'Isā, benar-benar dalam keadaan syak tentang orang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikut prasangka (zann) belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang dibunuh itu adalah 'Isā."³

Melalui ayat di atas, Allah SWT telah menggariskan beberapa peringkat pembuktian iaitu *yaqin*, *syak* dan *zann*. Manakala *waham* tidak disebutkan kerana ia adalah peringkat pembuktian yang paling rendah yang tidak boleh dijadikan asas di dalam membuat keputusan, apatah lagi apabila ianya membabitkan penghakiman.

Peringkat pembuktian yang paling tinggi adalah yakin. Yakin ditakrifkan sebagai suatu ketetapan hati, tanpa ada sebarang keraguan dengan bersandarkan kepada bukti-bukti yang *qat'ī* (putus).⁴ Membuktikan sesuatu kes ke peringkat yakin bermakna ianya telah berjaya dibuktikan tanpa ada sebarang keraguan bahawa yang dituduh telah melakukan kesalahan tertentu.⁵

Di dalam al-Qur'an, kalimah yakin telah digunakan untuk membawa maksud kematian,⁶ sebagaimana firman Allah SWT:

*"Dan sembahlah Tuhanmu sampai datang kepadamu yang diyakini (ajal)."*⁷

Kematian disebut sebagai sesuatu yang yakin kerana ianya adalah sesuatu yang pasti akan berlaku, tiada seorang pun yang berada di dalam keadaan syak dan ragu-ragu mengenainya.

Kalimah yakin juga diungkapkan di dalam al-Qur'an sebagai *'ayn al-yaqīn*, sebagaimana firman Allah SWT:

*"Nescaya kamu akan benar-benar melihat neraka jahannam, dan sesungguhnya kamu benar-benar akan melihatnya dengan 'ayn al-yaqīn."*⁸

'Ayn al-yaqīn di sini bermaksud melihat dengan mata kepala sendiri sehingga menimbulkan keyakinan yang kuat. Inilah yang diungkapkan oleh burung hud-hud kepada Nabi Sulaymān apabila ia berkata:

*"... dan kubawa kepadamu dari negeri Saba' suatu berita penting yang diyakini."*⁹

Hud-hud menyatakan bahawa berita yang dibawanya mencapai tahap yakin tanpa sebarang keraguan kerana ia telah melihat dengan mata kepalanya sendiri apa yang berlaku di negeri Saba'.

Keyakinan di sini juga bermakna tidak ada sedikitpun kesamaran (*syubhah*) walaupun kecil di dalam membuktikan sesuatu kes. Kesamaran itu sendiri telah ditafsirkan dengan lebih luas oleh 'Abd al-Qadir 'Awdah dengan membahagikannya kepada tiga kategori berikut.¹⁰

Pertama, kesamaran di dalam rukun jenayah itu sendiri, sama ada ianya sempurna ataupun tidak. Misalnya, antara rukun bagi jenayah mencuri adalah barang yang dicuri itu mestilah dipunyai oleh si mangsa. Jenayah mencuri tidak akan dapat dibuktikan ke tahap yakin di dalam kes seseorang yang mencuri suatu barang yang dimilikinya bersama dengan si mangsa. Ini kerana terdapat kesamaran (*syubhah*) sama ada rukun jenayah di atas sudah dipenuhi ataupun tidak.

Kedua, kesamaran mengenai nas-nas (provisio) yang mengharamkan sesuatu perbuatan. Misalnya di dalam kes perkahwinan tanpa persetujuan wali. Mazhab Mālikī dan Shāfi'ī menyatakan bahawa persetujuan wali adalah antara rukun sahnya perkahwinan bagi wanita yang belum pernah berkahwin. Manakala sebahagian ulama yang lain seperti Hanafī membenarkan wanita tersebut yang sudah mencapai dewasa untuk berkahwin tanpa wali. Dengan adanya kesamaran ini, mereka yang bermazhab Shāfi'ī tidak boleh membuktikan ke tahap yakin bahawa seseorang wanita yang berkahwin tanpa persetujuan wali telah melakukan zina (disebabkan perkahwinannya yang tidak sah).

Ketiga, kesamaran di dalam bukti-bukti yang dikemukakan. Misalnya, sesuatu kes tidak boleh dibuktikan ke tahap yakin jika ianya hanya berlandaskan kepada kesaksian yang diberikan oleh mereka yang tidak cukup syarat di dalam Islam atau di atas pengakuan yang kemudiannya ditarik balik.

Zann pula adalah suatu sangkaan yang lebih hampir kepada kebenaran.¹¹ Kedudukannya adalah lebih rendah daripada yakin. Ianya boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu *zann* yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan. Pembahagian ini adalah diasaskan kepada firman Allah SWT:

*“Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari sangkaan (zann), kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan (zann) itu adalah dosa.”*¹²

Di dalam mentafsirkan ayat di atas, al-Qurṭubī menjelaskan bahawa *zann* yang tidak dibenarkan di dalam Islam ialah yang tidak dikuatkan oleh sebarang bukti atau tanda-tanda zahir yang sejajar dengan *zann* tersebut.¹³ Inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT di dalam ayat yang lain:

*“Sesungguhnya zann itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran.”*¹⁴

Dapat disimpulkan di sini bahawa *zann* yang dikuatkan oleh bukti-bukti boleh diterima sebagai salah satu tahap pembuktian. Jika bukti-bukti tersebut adalah terlalu kuat sehingga ke tahap yang hampir kepada yakin dan melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*), maka *zann* di dalam keadaan ini diistilahkan sebagai *al-zann al-ghālib* (berat sangka).

Adapun *zann* yang disertai oleh bukti-bukti yang tidak mencapai ke tahap *al-zann al-ghālib*, tetapi di atas daripada tahap syak, maka ianya dinamakan sebagai *zann* sahaja.

Tahap pembuktian yang seterusnya adalah syak. Ia adalah suatu keadaan yang tidak pasti antara benar atau salah dan antara sabitnya sesuatu kesalahan atau tidak. Pilihan tidak dapat dibuat di dalam keadaan ini kerana persamaan tahap di antara dua kemungkinan yang ada.¹⁵

Tahap yang terakhir adalah *waham*. Ia adalah sangkaan yang samar-samar yang lebih hampir kepada salah dan tidak sabitnya sesuatu kesalahan.¹⁶ *Waham* adalah sinonim kepada *zann*.

Tahap-tahap Pembuktian Dalam Undang-undang Sivil

Terdapat beberapa tahap pembuktian di dalam undang-undang sivil. Antara tahap pembuktian yang diperkenalkan adalah yakin. Di dalam *R lwn. Summers*,¹⁷ Lord Goddard CJ telah memperkenalkan suatu istilah “*satisfied so that they feel sure*” (berpuas hati sehingga mereka [juri] merasa yakin), apabila beliau dipetik sebagai berkata:

...if a jury is told that it is their duty to regard the evidence and see that it is satisfied them so that they can feel sure when they return a verdict of guilty, that is much better than using the expression ‘reasonable doubt’ and I hope in future that that will be done...

[... jika juri diberitahu bahawa adalah menjadi tugas mereka untuk menimbang bukti sampai ke tahap mereka berpuas hati dan merasa yakin apabila penghukuman bersalah dikeluarkan, ini adalah lebih baik dari menggunakan ekspresi ‘keraguan yang munasabah’, saya harap pertimbangan ini akan digunakan pada masa hadapan...]

Tahap pembuktian seterusnya yang dibincangkan oleh ahli perundangan ialah “*beyond reasonable doubt*” (melampaui keraguan yang munasabah). Di antara pendapat yang selalu dirujuk di dalam mentafsirkan perkara ini adalah sebagaimana yang diterangkan oleh Denning J di dalam *Miller lwn. Minister of Pensions*¹⁸ bahawa tahap pembuktian tidak perlu mencapai keyakinan, tetapi ia perlu mencapai

tahap kemungkinan yang tinggi. Bukti yang melampaui keraguan munasabah bukan bermaksud bukti yang hanya melampaui bayang-bayang keraguan. Melampaui keraguan yang munasabah memberi maksud bahawa bukti yang dibawa terhadap seseorang adalah amat kuat, yang hanya meninggalkan kemungkinan yang terlalu tipis (*remote possibility*) yang berpihak kepadanya.¹⁹ Tahap ini bolehlah disamakan dengan tahap *al-zann al-ghālib* di dalam undang-undang keterangan Islam.

Seterusnya, suatu lagi tahap pembuktian di dalam undang-undang sivil ialah "*balance of probabilities*" (imbangan kebarangkalian). Tahap ini membawa maksud bahawa penghakiman akan berpihak kepada pihak mana yang berjaya membawa bukti yang lebih kuat dari pihak yang lain. Ini bermakna bahawa walaupun tahap pembuktian itu rendah, namun memadai bahawa ianya lebih 'tinggi' dari tahap pembuktian yang dikemukakan oleh pihak yang satu lagi.²⁰ Tahap ini pula boleh disamakan dengan *zann* di dalam undang-undang Islam.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat persamaan di antara undang-undang Islam dan undang-undang sivil di dalam mengklasifikasikan tahap-tahap pembuktian. Walaupun tahap pembuktian adalah sesuatu yang relatif, namun sebagai kesimpulan dari perbincangan di atas, ialah walaupun secara asasnya terdapat persamaan di antara undang-undang Islam dan undang-undang sivil di dalam mengklasifikasikan tahap pembuktian, ini tidak bermakna bahawa kedua-duanya bersetuju mengenai tahap pembuktian yang mana yang harus diguna pakai untuk menjatuhkan hukuman di dalam kes-kes jenayah dan sivil. Perkara inilah yang akan dibincangkan kemudian di dalam artikel ini.

Beban Bukti

Satu perkara penting yang berkait rapat dengan tahap pembuktian adalah beban bukti. Perkara ini perlu difahami kerana tahap pembuktian yang diperlukan adalah berbeza mengikut beban bukti. Manakala beban bukti itu sendiri boleh berubah-ubah dari satu pihak kepada pihak yang lain.

Ada dua pihak yang terlibat secara langsung di dalam perbicaraan kes-kes jenayah. Mereka adalah pendakwa dan yang didakwa (dituduh). Di dalam menentukan beban bukti, prinsip yang digunakan oleh undang-undang Islam adalah sabda Rasulullah s. 'a.w. yang berbunyi:

*"Mengemukakan keterangan adalah menjadi kewajipan pihak yang mendakwa dan bersumpah adalah tanggungjawab pihak yang mengingkar."*²¹

Hadis di atas dengan jelas memberikan panduan bahawa pada asasnya beban bukti terletak ke atas pendakwa. Dengan kata lain, adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwa untuk mengemukakan bukti ke tahap pembuktian yang diperlukan

di dalam kes-kes jenayah. Ini adalah selaras dengan kedudukan yang dituduh, yang disifatkan di dalam satu kaedah fiqh yang masyhur sebagai “bebas pada asalnya dari segala tanggungan.”

Namun, apabila perbicaraan berjalan, tanggungjawab mengemukakan beban bukti ini boleh bertukar kepada yang dituduh. Keadaan ini berlaku apabila pihak pendakwa telah berjaya mengemukakan beban bukti ke tahap yang tertentu, yang mana jika tidak dijawab oleh yang dituduh, hukuman boleh dijatuhkan ke atasnya. Di dalam situasi ini, beban bukti akan berpindah kepada yang dituduh bagi menjawab segala tuduhan ke atasnya. Seterusnya, jika jawapan tertuduh ini mencapai tahap pembuktian yang lebih tinggi, beban pembuktian akan berpindah semula kepada pendakwa.

Contoh klasik di dalam masalah ini ialah di dalam kes *Penduduk Bayt al-Maqdis lwn. Maryam*. Di dalam kes ini, Maryam telah dituduh berzina kerana melahirkan seorang bayi tanpa mempunyai suami. Ini adalah suatu dakwaan yang kuat kerana ianya adalah sejajar dengan tanda-tanda yang zahir. Oleh itu, beban telah berpindah kepada Maryam sebagai yang dituduh untuk membuktikan bahawa anak yang dilahirkannya itu bukanlah dari hasil perlakuan zina.²²

Di dalam menerangkan suasana ini, Ibn al-Qayyim memberikan panduan bahawa beban bukti (selepas pihak pendakwa berjaya mengemukakan bukti ke tahap yang diperlukan) terletak di atas pihak mana yang berada di dalam keadaan yang lebih lemah, yang berkemungkinan besar hukuman yang bakal dijatuhkan akan tidak berpihak kepadanya.

Seksyen 72 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dengan tegas menjelaskan bahawa beban pembuktian pada asasnya terletak ke atas pendakwa. Seksyen 74 pula selaras dengan garis panduan yang diberikan oleh Ibn al-Qayyim di atas. Manakala seksyen 75, 76 dan 77 pula menerangkan mengenai kemungkinan berlakunya pemindahan beban bukti dari satu pihak kepada pihak yang lain di dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Undang-undang sivil Malaysia juga bersetuju bahawa pada asasnya beban pembuktian terletak ke atas pendakwa. Namun apabila pendakwa berjaya menghujahkan kesnya ke tahap yang tertentu, beban pembuktian akan berpindah kepada yang didakwa untuk menjawab hujah-hujah tersebut.²³ Antara kes yang boleh dirujuk dalam perkara ini adalah *Adetunji Adeleye Sule lwn. Pendakwaraya*.²⁴ Di dalam kes ini, pihak pendakwa telah membawa bukti bahawa tertuduh telah ditangkap di dalam keadaan memiliki sebuah beg yang mengandungi dadah. Mahkamah telah memutuskan bahawa beban bukti terletak di atas pihak yang didakwa untuk membuktikan bahawa ia tidak terlibat dalam jenayah pengedaran dadah.²⁵

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa tiada perbezaan antara undang-undang Islam dan undang-undang sivil Malaysia mengenai beban pembuktian yang pada asasnya terletak ke atas pendakwa. Kedua-dua undang-undang tersebut juga bersetuju bahawa beban pembuktian ini boleh berpindah kepada pihak yang lain di dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Persoalan yang perlu dijelaskan seterusnya adalah tahap pembuktian yang perlu dicapai oleh pendakwa apabila mengemukakan kesnya, dan juga tahap pembuktian yang diperlukan apabila berlakunya pemindahan beban bukti dari satu pihak kepada pihak yang lain.

Jenis-jenis Jenayah dan Tahap Pembuktiannya Di Dalam Islam

Sebelum perbincangan mengenai tahap pembuktian diteruskan, adalah wajar untuk diterangkan secara ringkas mengenai pembahagian hukuman di dalam Islam. Ini adalah kerana tahap pembuktian itu sendiri mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan jenis-jenis hukuman yang akan dijatuhkan.

Hukuman di dalam Islam boleh dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama iaitu *hudūd*, *qisās* dan *diyah* (ganti rugi), serta *ta'zīr*. *Hudūd* adalah hukuman yang telah ditetapkan kadarnya oleh Allah yang tidak boleh diubah-ubah oleh manusia. Ianya dikatakan sebagai hak Allah SWT di dalam pengertian bahawa perlaksanaannya perlu untuk menjaga kepentingan umum. Antara kesalahan yang dikenakan hukuman *hudūd* adalah berzina, meminum arak, mencuri, merompak dan menuduh seseorang berzina tanpa mengemukakan bukti yang cukup.

Hukuman *qisās* dan *diyah* juga telah ditetapkan kadarnya. Ianya disifatkan sebagai hak individu kerana mangsa atau keluarganya berhak memberi pengampunan (mutlak atau dengan ganti rugi) kepada pesalah. Terdapat lima jenis kesalahan yang dikenakan hukuman *qisās* iaitu pembunuhan dengan sengaja, pembunuhan separa sengaja, pembunuhan tidak sengaja, mencederakan dengan sengaja dan mencederakan dengan tidak sengaja.

Ta'zīr pula merupakan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang tidak termasuk di bawah dua kategori hukuman di atas. Kadarnya tidak ditetapkan lebih awal oleh syarak. Ianya terletak kepada budi bicara pihak berkuasa untuk menggubal dan mengenakan hukuman bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan.

Setelah memahami pembahagian di atas, maka adalah lebih mudah untuk dibincangkan seterusnya tahap pembuktian yang diperlukan bagi setiap jenis hukuman. Secara asasnya, di bawah undang-undang Islam, setiap individu adalah dilindungi oleh kaedah "*al-aṣl barā'ah al-dhimmah*" (pada asalnya seseorang itu adalah bebas dari sebarang tanggungan).²⁶ Ini bermaksud bahawa setiap individu

adalah bebas daripada disabitkan dengan sebarang kesalahan melainkan dibuktikan sebaliknya. Keadaan asal ini berstatus yakin. Di dalam hal ini, satu kaedah lain yang berkaitan adalah “*al-yaqīn lā yuzāl bi al-shakk*”²⁷ (keyakinan tidak boleh dihilangkan oleh syak). Ini bermakna bahawa pembuktian yang hanya mencapai tahap syak atau yang kurang daripadanya iaitu *waham* tidak akan dapat menghilangkan status asal individu yang bersifat yakin sebagaimana yang digariskan di atas. Dengan kata lain, sistem perundangan Islam tidak menerima syak dan *waham* sebagai suatu tahap pembuktian yang boleh mensabitkan seseorang dengan apa juga kesalahan, sama ada ianya *ḥudūd*, *qiṣās* atau *ta‘zīr*.

Tahap Pembuktian Bagi Kesalahan Ḥudūd

Bagi kesalahan *ḥudūd*, tahap pembuktian yang perlu dibawa oleh pendakwa adalah yakin (tanpa sebarang keraguan). Ini berdasarkan kepada suatu panduan umum yang diberi oleh Rasulullah s.‘a.w. melalui sabdanya:

*“Tolaklah kesalahan-kesalahan ḥudūd dari kaum muslimin seberapa yang mampu, jika ada jalan keluar maka bebaskanlah ia, sesungguhnya kesilapan Imām (ḥākim) di dalam memberikan kemaafan adalah lebih baik dari kesalahannya menjatuhkan hukuman.”*²⁸

Di dalam hadis yang lain, Rasulullah s.‘a.w. bersabda:

*“Tolaklah kesalahan-kesalahan ḥudūd selagi kamu boleh menolaknya dengan satu penolakan.”*²⁹

Kedua-dua hadis di atas dengan jelas menyatakan bahawa tahap pembuktian yang diperlukan di dalam kes-kes *ḥudūd* adalah amat tinggi iaitu yakin. Sebarang keraguan yang timbul³⁰ walaupun sedikit akan menyebabkan seseorang itu terlepas dari dikenakan hukuman *ḥudūd*.

Hadis tersebut diperkuatkan lagi dengan beberapa kes *hudud* yang berlaku di zaman Rasulullah s.‘a.w., antaranya kisah Mā‘iz bin Mālik yang datang membuat pengakuan di hadapan Rasulullah s.‘a.w. bahawa beliau telah melakukan kesalahan zina. Pengakuan ini tidak secara terus diterima oleh Rasulullah s.‘a.w. Sebaliknya Baginda mengemukakan beberapa soalan seperti: “Anda mungkin hanya mencium wanita itu” dan “anda mungkin hanya melihat wanita tersebut.”

Begitu juga di dalam kes al-Ghāmidīyah yang mengaku di depan Rasulullah s.‘a.w. bahawa beliau telah melakukan zina. Rasulullah s.‘a.w. telah tidak terus menerima pengakuannya, sehinggalah al-Ghāmidīyah sendiri bertanya adakah Rasulullah s.‘a.w. ingin melakukan kepadanya apa yang telah dilakukan kepada

Mā'iz (di dalam menyoal jawab mengenai pengakuannya). Adalah jelas dari perbincangan di atas bahawa beberapa soalan masih lagi diajukan kepada Mā'iz dan al-Ghāmidīyah untuk mendapatkan keyakinan bahawa mereka benar-benar faham dan sedar akan pengakuan yang dibuat.

Para ulama berpendapat bahawa tahap keyakinan tanpa sebarang keraguan ini boleh dicapai melalui dua cara iaitu melalui pengakuan (*iqrār*) oleh mereka yang melakukan kesalahan itu sendiri dan juga melalui kesaksian (*shahādah*). Perlu ditekankan di sini bahawa terdapat banyak syarat-syarat yang ketat telah digariskan sebelum pengakuan dan kesaksian tersebut dapat diterima dan diakui telah mencapai tahap yakin tanpa sebarang keraguan.³¹ Selain *iqrār* dan kesaksian, sebahagian ulama berpendapat bahawa *qarīnah*³² juga boleh dijadikan sebagai bukti di dalam kes-kes hudūd. Antara contoh *qarīnah* yang selalu dibawa oleh para ulama ialah wanita yang mengandung tanpa mempunyai suami yang sah. Namun apa yang pasti, para ulama yang menerima *qarīnah* sebagai bukti masih lagi mensyaratkan bahawa ianya perlu diteliti sehingga tidak ada sebarang kesamaran, walaupun kecil,³³ di dalam *qarīnah* tersebut.³⁴ Ini adalah selaras dengan panduan umum yang diberikan oleh Rasulullah s. 'a.w. di atas dan pendapat ini juga sebenarnya tidak terkeluar daripada kaedah yang menyatakan bahawa tahap pembuktian yang perlu dicapai untuk disabitkan kesalahan hudūd adalah yakin.

Sebagaimana dibincangkan di atas, pada asalnya, adalah menjadi tugas pendakwa untuk mengemukakan pertuduhan dan bukti-bukti yang menyokongnya kepada mahkamah. Namun, beban pembuktian ini boleh bertukar kepada yang dituduh di dalam keadaan-keadaan tertentu. Jika ini berlaku, apakah tahap pembuktian yang diperlukan oleh yang dituduh untuk menjawab segala pertuduhan yang dikenakan ke atasnya dan seterusnya membebaskan dirinya dari sebarang hukuman. Di dalam menjawab persoalan ini, perbincangan bolehlah diasaskan kepada bukti-bukti yang dibawa oleh pendakwa yang mana ianya tidak terkeluar daripada beberapa keadaan berikut:

Keadaan pertama ialah apabila pendakwa gagal mengemukakan bukti ke tahap *al-zann al-ghālib*. Di dalam situasi ini, tidaklah perlu bagi yang dituduh untuk menjawab pertuduhan, sebaliknya ia boleh memilih untuk hanya berdiam diri. Penghakiman di akhir perbicaraan akan berpihak kepadanya.

Keadaan kedua ialah apabila pihak pendakwa berjaya mengemukakan bukti ke tahap yakin. Di dalam hal ini, jika yang dituduh memilih untuk berdiam diri, hukuman akan dijatuhkan ke atasnya. Manakala jika beliau bercadang untuk membela diri, maka tahap pembuktian yang diperlukan adalah seperti berikut:

Yang dituduh hanya perlu mengemukakan bukti yang boleh menimbulkan sebarang keraguan bagi melepaskan dirinya dari hukuman hudūd. Ini adalah kerana

hukuman *hudūd* tidak akan dijatuhkan ke atas seseorang dengan adanya keraguan. Namun ini tidak bermakna tertuduh akan terlepas sepenuhnya dari sebarang hukuman. Ia masih boleh dihukum dengan hukuman *ta'zīr* jika di akhir perbicaraan hakim mendapati bahawa bukti yang dibawa oleh pihak pendakwa mencapai tahap *al-zann al-ghālib*.³⁵

Misalnya, pendakwa telah berjaya membuktikan ke peringkat yakin bahawa yang dituduh telah memasuki sebuah rumah tanpa kebenaran dan mencuri barang tertentu. Di dalam hujah balasnya, yang dituduh telah berjaya membuktikan bahawa beliau sendiri mempunyai saham terhadap barang yang dicuri tersebut. Ini menimbulkan keraguan di dalam salah satu rukun jenayah itu sendiri iaitu barang yang dicuri itu mestilah dimiliki oleh orang lain. Di dalam keadaan ini, hukuman *hudūd* bagi kesalahan mencuri iaitu potong tangan tidak boleh dijatuhkan, tetapi yang dituduh boleh dikenakan hukuman *ta'zīr* di atas perbuatan mencurinya itu.

Di dalam keadaan yang lain, jika yang dituduh berjaya mengurangkan tahap pembuktian yang dibawa oleh pendakwa dari tahap yakin kepada *zann* atau syak sahaja, maka penghakiman akan berpihak kepada yang dituduh dengan membebaskannya dari sebarang hukuman sama ada, *hudūd* atau *ta'zīr*. Secara relatifnya, contoh bagi situasi ini ialah apabila pendakwa berjaya membuktikan sesuatu kes *hudud* ke tahap yakin berdasarkan³⁶ semata-mata kepada pengakuan (*iqrār*) yang dibuat oleh yang dituduh sendiri. Kemudian, pengakuan bersalah tadi telah ditarik balik oleh yang dituduh. Di dalam keadaan ini, telah berlaku pertentangan antara pengakuan bersalah yang dibuat lebih awal oleh yang dituduh dengan pengakuan tidak bersalah yang dibuat oleh orang yang sama kemudiannya. Salah satu daripadanya mestilah benar dan yang satu lagi adalah palsu. Pertentangan ini akan menimbulkan syak atau *zann* sahaja di dalam menentukan pengakuan yang mana adalah benar.³⁷ Oleh itu, yang dituduh perlulah dibebaskan dari sebarang pertuduhan.

Secara relatifnya, tahap pembuktian yang dikemukakan oleh pendakwa dan yang dituduh dan kaitannya dengan penghakiman di akhir perbicaraan di dalam kes-kes *hudūd* bolehlah dilakarkan seperti berikut:

Lakaran I: Pendakwa gagal mengemukakan bukti yang mencapai tahap *al-zann al-ghālib* :

Lakaran II: Pendakwa telah berjaya membuktikan kes ke tahap yakin, namun pihak yang dituduh telah berjaya menimbulkan sedikit keraguan.

Lakaran III: Pendakwa telah berjaya membuktikan kes ke tahap yakin, namun pihak yang dituduh telah berjaya menimbulkan keraguan hingga mencapai tahap syak.

Tahap Pembuktian Bagi Kesalahan Qisās dan *Diyah*

Di dalam kes *ḥudūd*, adalah jelas bahawa tahap pembuktian yang diperlukan adalah yakin. Keadaan agak berlainan di dalam kes-kes qisās dan *diyah* di mana para ulama tidak memberikan kenyataan yang jelas mengenai tahap pembuktian yang diperlukan. Walaubagaimanapun, pandangan mereka bolehlah dianalisis daripada perbincangan yang dibuat mengenai bukti-bukti yang diperlukan untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan qisās dan *diyah*.

Sebelum perbincangan dilanjutkan, perlulah ditegaskan di sini bahawa para ulama telah bersetuju bahawa antara bukti-bukti yang boleh mencapai tahap yakin adalah melalui *iqrār* dan kesaksian dua orang lelaki yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu. Oleh itu, bukti-bukti yang selain daripada yang disebutkan, seperti kesaksian wanita, tidaklah boleh mencapai tahap yakin.³⁸

Para ulama Hanafī, Shāfi³⁹ dan sebahagian ulama Hanbalī⁴⁰ meletakkan qisās secara umumnya setaraf dengan *ḥudūd* apabila mereka menyatakan bahawa bukti yang diperlukan di dalam kes-kes qisās adalah *iqrār* dan kesaksian dua lelaki. Dengan kata lain, mereka berpendapat bahawa tahap pembuktian yang diperlukan untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan qisās adalah yakin. Ini adalah kerana pada pendapat mereka, kesalahan qisās tidak boleh disabitkan ke atas seseorang dengan adanya syubhah.⁴¹ Walaupun hadis di atas hanya menyebut perkataan *ḥudūd* secara khusus, namun qisās juga termasuk di dalam pengertiannya kerana kadar hukuman bagi kedua-duanya telah ditetapkan oleh Allah SWT.⁴²

Manakala para ulama Mālikī⁴³ dan sebahagian ulama Hanbalī⁴⁴ pula membezakan antara hukuman qisas dan *diyah* (ganti rugi). Bagi hukuman qisās, mereka bersependapat dengan pandangan di atas bahawa tahap pembuktian yang diperlukan adalah yakin. Tetapi bagi kes-kes *diyah*, mereka berpendapat bahawa tahap pembuktian yang diperlukan hanyalah *al-zann al-ghālib*. Sebab itulah mereka menerima kesaksian wanita di dalam kes-kes seperti pembunuhan separa sengaja (*shibh al-'amd*) dan pembunuhan tidak sengaja (*shibh al-khata'*). Mereka mengkiaskan kes-kes *diyah* dengan kes-kes mal yang lain di mana tahap pembuktian yang diperlukan hanyalah *al-zann al-ghālib*.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa para ulama bersepakat bahawa tahap pembuktian yang diperlukan untuk menjatuhkan hukuman qisas ke atas seseorang adalah yakin. Adalah diakui bahawa tahap pembuktian bagi kesalahan qisās perlulah di tahap yang maksimum kerana hukumannya amatlah berat seperti hukuman bunuh. Sesungguhnya nyawa dan anggota tubuh manusia adalah tidak ternilai. Oleh itu, amatlah wajar hukuman sebegini tidak dijatuhkan ke atas seseorang dengan adanya keraguan.

Perbezaan pendapat di antara mereka ialah mengenai hukuman *diyah*. Di

dalam hal ini, penulis lebih cenderung untuk memilih pendapat ulama Mālikī untuk dipraktikkan. Pendapat ini sebenarnya mengimbangi kepentingan kedua-dua belah pihak iaitu yang dituduh dan juga mangsa di dalam kes-kes yang diklasifikasikan sebagai jenayah qisās. Yang dituduh akan terlepas dari hukuman qisas dengan adanya syubhah, tetapi jika kes dapat dibuktikan ke tahap *al-zann al-ghālib*, maka *diyah* perlu dibayar kepada mangsa. Jika kesemua kes qisās dan *diyah* perlu dibuktikan ke tahap yakin, adalah dikhuatiri nasib mangsa tidak akan terbela kerana tahap tersebut adalah sesuatu yang amat sukar dicapai. Tambahan pula, tahap *al-zann al-ghālib* merupakan suatu tahap pembuktian yang amat tinggi. Oleh itu ianya juga perlu diambil kira di dalam penghakiman.

Secara relatifnya, tahap pembuktian yang dikemukakan oleh pendakwa dan yang dituduh dan kaitannya dengan penghakiman di akhir perbicaraan di dalam kes-kes qisās dan *diyah* bolehlah dilakarkan seperti berikut:

Lakaran I: Pendakwa gagal mengemukakan bukti yang mencapai tahap *al-zann al-ghālib*.

Lakaran II: Pendakwa telah berjaya membuktikan kes ke tahap yakin, namun pihak yang dituduh telah berjaya menimbulkan sedikit keraguan.

Lakaran III: Pendakwa telah berjaya membuktikan kes ke tahap yakin, namun pihak yang dituduh telah berjaya menimbulkan keraguan hingga mencapai tahap *zann*.

Tahap Pembuktian Bagi Kesalahan Ta'zīr

Majoriti ulama berpendapat bahawa tahap pembuktian yang diperlukan untuk menjatuhkan hukuman ta'zīr ke atas seseorang ialah *al-zann al-ghālib*. Antaranya, melalui kesaksian seorang saksi yang mencukupi syarat.⁴⁵ Sebagaimana diterangkan di atas, hukuman ta'zīr adalah di atas budi bicara pihak berkuasa. Ianya mungkin di dalam bentuk denda, penjara dan sehinggalah kepada hukuman bunuh pada pandangan sebahagian ulama.⁴⁶ Perlu ditegaskan di sini bahawa berdasarkan kepada hakikat bahawa nyawa dan anggota badan manusia adalah tidak ternilai harganya, adalah dicadangkan agar hukuman ta'zīr yang melibatkan perkara-perkara tersebut perlu juga dibuktikan sehingga ke peringkat yakin. Jika tidak mencapai tahap tersebut, hukuman ta'zīr di dalam bentuk yang lain bolehlah dijatuhkan.

Dilema Di Dalam Undang-undang Mahkamah Syariah Malaysia

Di dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah, mahkamah syariah di Malaysia sebenarnya masih belum lagi mampu untuk melaksanakan sepenuhnya apa yang

dituntut oleh Islam.⁴⁷ Sebagai contoh, di dalam kes zina, mahkamah syariah hanya berhak untuk menjatuhkan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau sebat tidak melebihi enam sebatan atau dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.⁴⁸ Hukuman yang diperuntukkan ini hanya boleh diklasifikasikan sebagai hukuman ta'zīr dan sudah tentu ianya tidak menepati dengan hukuman sebenar di dalam Islam iaitu seratus sebatan bagi pesalah yang belum pernah berkahwin (*ghayr muḥṣan*).

Dilema di sini ialah mengenai beban pembuktian yang diperlukan untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan ḥudūd. Pihak pendakwa mungkin akan berhujah dengan mengatakan bahawa beban yang diperlukan hanyalah *al-zann al-ghālib* memandangkan hukuman yang akan dijatuhkan adalah di dalam kategori ta'zīr (walaupun kesalahan yang dilakukan adalah dari kategori ḥudūd). Manakala pihak pembela pula mungkin akan membalas dengan mengatakan bahawa kes seperti ini perlulah dibuktikan ke tahap yakin kerana ianya adalah di dalam kategori ḥudūd (walaupun hukuman yang akan dijatuhkan nanti adalah dari kategori ta'zīr).

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) tidak memberikan peruntukan yang jelas mengenai perkara ini. Namun, antara peruntukan yang tidak secara langsung berkaitan dengan perkara ini ialah mengenai bilangan saksi yang diperlukan bagi satu-satu kes, di mana seksyen 86 (5) menyatakan:

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

Daripada peruntukan di atas, seolah-olah akta lebih cenderung untuk mengatakan bahawa tahap pembuktian yang diperlukan hanyalah *al-zann al-ghālib* memandangkan keterangan dua orang saksi perempuan masih boleh diterima. Namun, akta ini masih lagi kabur kerana ia tidak membezakan antara keterangan dan kesaksian. Kesaksian apabila cukup syaratnya adalah sesuatu yang wajib diguna pakai oleh mahkamah di dalam penghakimannya. Manakala keterangan berada di taraf yang lebih rendah daripada kesaksian.

Untuk menghuraikan dilema ini, beberapa cadangan berikut mungkin boleh dipertimbangkan. Pertama, memandangkan hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas seseorang yang melakukan jenayah ḥudūd hanyalah ta'zīr, maka istilah kesalahan itu sendiri hendaklah diubah agar bersesuaian dengan hukuman. Misalnya, kesalahan zina ditukar kepada kesalahan melakukan percubaan untuk berzina dan kesalahan meminum arak ditukarkan kepada kesalahan percubaan untuk meminum arak. Percubaan untuk melakukan kesalahan ḥudūd boleh diklasifikasikan sebagai jenayah di atas dasar *sadd al-dharā'i'* dan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan yang seumpama ini adalah ta'zīr. Ini bersesuaian dengan hukuman yang boleh

dijatuhkan oleh mahkamah syariah mengikut bidang kuasa yang ada padanya di Malaysia.

Kedua, jika kesalahan hudud ingin dikekalkan di dalam enakmen, maka dicadangkan agar beban pembuktian yang diperlukan adalah yakin dan bukannya *al-zann al-ghālib*, walaupun hukuman yang bakal dijatuhkan nanti hanyalah dari kategori ta'zīr. Ini adalah kerana apabila dipertimbangkan dengan teliti, Islam adalah suatu agama yang amat menjaga maruah seseorang terutamanya yang berkaitan dengan kesalahan hudūd. Sebab itulah tahap pembuktian yang amat tinggi diperlukan dan hukum asal memberi kesaksian adalah tidak wajib, malahan mengikut pendapat sesetengah ulama, adalah sunat untuk dirahsiakan.⁴⁹

Hukuman ta'zīr yang bakal dijatuhkan tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mengurangkan tahap pembuktian yang diperlukan. Ini kerana tahap pembuktian dan hukuman adalah dua perkara yang berbeza. Adalah jelas di dalam Islam bahawa tahap pembuktian yang diperlukan untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan hudud adalah yakin. Soal ianya tidak boleh dihukum dengan hukuman yang sepatutnya adalah masalah lain yang perlu diselesaikan.

Tahap Pembuktian Di Dalam Kes-kes Jenayah Mengikut Undang-undang Sivil

Secara amnya, sebagaimana yang diguna pakai di dalam undang-undang Inggeris,⁵⁰ tahap pembuktian yang diperlukan di dalam kes-kes jenayah mengikut undang-undang sivil Malaysia juga adalah melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*). Di dalam *Nagappan Kuppusamy Iwn. Pendakwaraya*, telah dinyatakan dengan jelas bahawa:

“Held, (1) in a criminal case, the burden on the prosecution throughout is to prove the guilt of the accused beyond reasonable doubt. If upon the whole evidence the court is left in a real state of doubt the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.”

(2) Where the burden is shifted to the defence by a statutory presumption, the quantum of proof is on a balance of probabilities.”⁵¹

(telah diputuskan: (1) di dalam kes jenayah, selamanya beban terletak di atas pendakwa untuk membuktikan kesalahan yang dituduh melampaui keraguan yang munasabah. Jika setelah mengambil kira keseluruhan bukti yang ada, mahkamah masih berada di dalam keadaan yang syak yang nyata, maka bolehlah disimpulkan bahawa pendakwa telah gagal untuk membuktikan kesnya ke tahap pembuktian yang diperlukan.

(2) Apabila beban pembuktian berpindah kepada pembela dengan adanya asas

perundangan bagi pertuduhan, maka beban pembuktian yang diperlukan adalah di atas imbangan kebarangkalian).

Daripada penghakiman di atas, jelas dapat dilihat bahawa pendakwalah yang harus membuktikan kesnya ke tahap melampaui keraguan yang munasabah. Bagi yang didakwa, tahap pembuktian yang diperlukan olehnya untuk melepaskan diri daripada pertuduhan adalah lebih rendah. Beliau hanya perlu menimbulkan keraguan di dalam kes yang dibicarakan. Ini boleh dilakukan dengan mengemukakan keraguan bahawa fakta yang dibawa oleh pendakwa tidak boleh diterima atau dengan mengemukakan fakta baru yang boleh menimbulkan keraguan ke atas fakta yang dibawa oleh pendakwa.

Kesimpulan dan Penutup

Daripada perbincangan di atas, disimpulkan bahawa undang-undang Islam dan undang-undang sivil bersetuju di dalam mengklasifikasikan tahap pembuktian kepada tiga peringkat yang utama iaitu *yaqin*, *al-zann al-ghālib* (melampaui keraguan yang munasabah / *beyond reasonable doubt*) dan *al-zann* (imbangan kebarangkalian).

Namun perbezaan antara keduanya adalah di dalam mendefinisikan tahap pembuktian tersebut terutamanya bagi peringkat yakin. Undang-undang Islam telah memberikan definisi yang jelas beserta dengan keadaan-keadaan syubhah yang boleh mencabar status yakin tersebut. Keadaan yakin hanya boleh dicapai melalui *iqrār* dan *shahādah* yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu. Sebahagian ulama berpendapat bahawa *qarīnah* juga boleh mencapai tahap yakin dengan syarat tiadanya sebarang kesamaran yang timbul. Definisi yang sejelas ini telah tidak diberi oleh undang-undang sivil. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan tahap ini telah tidak diguna pakai sebagai salah satu tahap pembuktian mengikut undang-undang sivil.

Kedua-dua undang-undang juga bersependapat bahawa beban bukti pada asasnya terletak di pihak pendakwa. Namun dalam keadaan tertentu ianya boleh berpindah kepada yang didakwa. Perpindahan beban bukti ini boleh berlaku beberapa kali sepanjang proses perbicaraan.

Undang-undang Islam membahagikan kesalahan jenayah kepada tiga bahagian utama iaitu *ḥudūd*, *qīṣaṣ* dan *diyāh* dan juga *ta'zīr*. Untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan *ḥudūd*, tahap pembuktian yang diperlukan adalah yakin. Manakala tahap pembuktian yang perlu dikemukakan oleh yang didakwa apabila beban bukti berpindah kepadanya adalah berbeza mengikut tahap pembuktian yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa.

Bagi kesalahan qisās, para ulama bersepakat bahawa tahap pembuktian yang perlu dibawa oleh pihak pendakwa adalah yakin. Bagi kesalahan yang hukumannya diyah, terdapat beberapa pandangan ulama mengenai tahap pembuktian yang perlu diguna pakai. Namun, pendapat yang lebih kuat adalah yang menetapkan *al-ẓann al-ghālib* sebagai tahap pembuktian yang perlu dicapai.

Bagi kesalahan ta'zīr pula, tahap pembuktian yang diguna pakai adalah *al-ẓann al-ghālib*. Namun bagi hukuman ta'zīr yang membawa kepada hukuman mati, adalah dicadangkan agar tahap yakin digunakan untuk pembuktian. Terdapat dilema di dalam undang-undang Mahkamah Syariah Malaysia di mana peruntukan hanya membenarkan hukuman ta'zīr bagi kesalahan hudūd. Oleh itu, dua cadangan yang telah diberikan di dalam artikel ini bolehlah dipertimbangkan sebagai jalan penyelesaian di dalam merungkaikan dilema tersebut.

Di dalam undang-undang sivil pula, adalah nyata bahawa tahap pembuktian yang digunakan bagi semua jenis kesalahan jenayah adalah melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*). Di dalam hal ini, tiada pembahagian dibuat untuk membezakan antara jenayah berat dan ringan.

Daripada perbincangan di atas, dapat dilihat bahawa perbezaan yang paling ketara di antara undang-undang Islam dan sivil adalah mengenai tahap pembuktian yang diguna pakai bagi kesalahan hudūd dan qisās. Islam meletakkan tahap maksimum iaitu yakin untuk mensabitkan seseorang dengan dua kategori kesalahan ini. Di dalam masa yang sama, satu lagi tahap pembuktian yang tinggi iaitu *al-ẓann al-ghālib* juga tidak diketepikan begitu sahaja. Ianya masih lagi diterima dan hukuman ta'zīr boleh dijatuhkan ke atas yang dituduh apabila pihak pendakwa berjaya membuktikan kesalahannya hingga ke tahap ini.

Keunikan sistem perundangan Islam yang meletakkan tahap pembuktian yang maksimum (yakin) dan dalam masa yang sama menghormati tahap pembuktian yang tinggi (*al-ẓann al-ghālib*) di dalam mengendalikan kes-kes jenayah adalah sesuatu yang seharusnya diteliti oleh undang-undang sivil untuk diadaptasikan. Ini adalah kerana sistem yang sebegini akan memberikan tahap perlindungan yang tertinggi kepada yang dituduh dari dikenakan hukuman yang amat berat berasaskan kepada bukti yang tidak sampai ke tahap yang maksimum. Di dalam masa yang sama ia juga memberikan pembelaan kepada mangsa jenayah dengan mengambil kira *al-ẓann al-ghālib* sebagai tahap pembuktian untuk menjatuhkan hukuman *diyah* dan ta'zīr ke atas yang dituduh.

Seterusnya sistem sebegini juga dapat menjaga kepentingan masyarakat dari merebaknya jenayah di kalangan mereka. Ini adalah kerana jika hanya tahap yakin yang diambil kira untuk menjatuhkan hukuman, sudah pasti ianya adalah sesuatu yang amat sukar dicapai dan berkemungkinan banyak penjenayah akan mengambil

kesempatan dan terlepas dari dikenakan hukuman.

Akhirnya, adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai tahap pembuktian yang diguna pakai di dalam Islam dan perbandingannya dengan undang-undang sivil. Semoga suatu sistem yang lebih adil kepada semua dapat dibangunkan.

Nota Hujung

1. Mahmud Saedon, "Pembuktian: Kepentingan Beban dan Hukumnya", *Jurnal Hukum*, [1989] Jilid 4, Bhg. 2, hal. 188.
2. Williams, Glanville, *The Proof of Guilt: A Study of the English Criminal Trial*, ed. 3, (London: Stevens and Sons, 1963), hal. 186.
3. Al-Qur'an, 4: 157.
4. Al-Burnū, Muhammad Sidqi bin Aḥmad, *al-Wajiz fī Idāḥ Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah*, ed. 2, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1989), hal. 105; *al-Mu'jam al-Wasit*, hal. 1066.
5. Mahmud Saedon, "Beban dan Tahap Pembuktian dalam Sistem Pengadilan Islam", *Jurnal Syariah* [1993] Jilid 1, Bil. 2, hal. 341. Ini juga bertepatan dengan pengertiannya di dalam Bahasa Melayu yang membawa maksud "tanpa ragu-ragu". Lihat *Kamus Dewan*, hal. 1554.
6. Al-Tabārī, *Jāmi' al-Bayan*, Jil. 8, hal. 74.
7. Al-Qur'an, 15: 99.
8. Al-Qur'an, 102: 6-7.
9. Al-Qur'an, 27: 22.
10. 'Awdah, 'Abd al-Qadīr, *al-Tashrī' al-Jinā'ī al-Islāmī*, ed. 9 (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1987), Jil. 1, hal. 214-215; Al-Sayūṭī, Jalal al-Dīn 'Ab al-Rahmān, *al-Ashbāḥ wa al-Nazā'ir*, (Kaherah: Dār Ihya' al-Turaath al-'Arabi, t.t.), hal. 136.
11. Maḥmaṣānī, *Falsafah al-Tashrī' fī al-Islām*, hal. 224; al-Burnū, *al-Wajiz fī Idāḥ Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah*, hal. 105.
12. Al-Qur'an, 49:12.
13. Al-Qurtubi, *al-Jamī' li Ahkām al-Qur'an*, Jil. 16, hal. 331.
14. Al-Qur'an, 10: 36.
15. Maḥmaṣānī, *Falsafah al-Tashrī' fī al-Islām*, hal. 224; al-Burnū, *al-Wajiz fī Idāḥ Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah*, hal. 105.
16. Al-Burnū, *al-Wajiz fī Idāḥ Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah*, hal. 105.
17. (CCA) [1952] 1 All ER 1059. Lihat juga R lwn. *Hepworth and Fearnley*, [1955] 2 All ER, 918.
18. [1947] 2 All ER 372.

19. Untuk perbincangan lebih lanjut, sila lihat: Heydon, J. D. dan Mark Ockelton, *Evidence Cases and Materials*, ed. 4, (London: Butterworths, 1996) hal. 37; May, Richard, *Criminal Evidence*, ed. 2, (London: Sweet & Maxwell, 1990), hal. 57; Murphy, Peter, *Murphy on Evidence*, ed. 5, (London: Blakstone Press. Limited, 1995), hal. 104; Nathan, R.K., *A Practical Approach to Evidence in Malaysia and Singapore*, (Kuala Lumpur: Butterworths Asia, 1993), hal. 158,
20. McAlhone, Christina, *Evidence in a Nutshell*, (London: Sweet and Maxwell, 1996), hal. 3.
21. Untuk penjelasan lanjut mengenai definisi pendakwa dan yang didakwa, sila lihat: Zaydan, 'Abd al-Karīm, *Prinsip-prinsip Pendakwaan dan Pembuktian Dalam Sistem Kehakiman Islam*, Penterjemah: Mohd. Salleh Haji Ahmad, (Shah Alam: Hizbi, 1993) hal. 4-5.
22. Al-Tarmidhī, Abū 'Īsa Muhammad bin 'Īsā, *Sunan al-Tarmidhī*, (Kaheerah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1962), Jil. 3, hal. 617.
23. *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah*, perkara 76.
24. Al-Qur'an, 19: 27-30.
25. Ibn al-Qayyim, *al-Turuq al-Hukmiyyah*, hal. 57.
26. Seksyen 101, Akta Keterangan.
27. Seksyen 105, Akta Keterangan.
28. [1993] 2 SCR, 323.
29. Dengan membuktikan bahawa beg itu bukan kepunyaannya, ia tidak mengetahui isi beg tersebut atau dengan hujah-hujah yang lain.
30. *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah*, perkara 8.
31. *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah*, perkara 4.
32. Al-Tarmidhī, *al-Jamī' al-Ṣaḥīḥ*, Jil. 4, hal. 33.
33. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Jil. 2, hal. 850.
34. Di dalam konteks yang luas sebagaimana diterangkan oleh 'Abd al-Qadīr 'Awdah di atas.
35. Al-Bukhārī, Abu 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dicetak bersama *Faṭḥ al-Bari*, Aḥmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalanī, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), Jil. 12, hal. 162-163.
36. Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Kaheerah: al-Matba'ah al-Miṣriyyah, t.t.), Jil. 11, hal. 201.
37. Bukanlah tujuan penulis untuk membincangkan perkara ini secara mendalam, namun, untuk maklumat lanjut.
38. *Qarīnah* adalah bukti-bukti yang mempunyai kaitan dengan kes selain daripada *iqrār* dan kesaksian. Al-Banhasī, Aḥmad Fathi, *Naẓariyyah al-Ithbāt fī al-Fiqh al-Jinā'ī al-Islāmi*, (Kaheerah: al-Sharikah al-Arabiyyah li al-Nashr, 1962), hal. 166-170.
39. Misalnya dakwaan wanita yang melahirkan anak tanpa suami bahawa ianya adalah hasil persetubuhan yang telah dipaksakan ke atasnya.

40. Untuk perbincangan lanjut sila rujuk: Bahnāsī, *Nazariyyah al-Ithbāt*, hal. 170-186.
41. ‘Awdah, *al-Tashrī‘ al-Jinā‘i*, Jil. 1, hal. 216.
42. *Ibid*, Jil. 2, hal. 588.
43. Tidak ada bukti selain daripada *iqrār* tertuduh di dalam kes ini.
44. Al-Sarakhsī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad, *al-Mabsūt*, (Dār al-Ma‘rifah, t.t.), hal. 9149.
45. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Jil. 12, hal. 7.
46. Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, Jil. 16, hal. 114.
47. Al-Ramli, Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū al-‘Abbas, *Nihāyah al-Muḥtāj Sharḥ al-Minhaj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), Jil. 7, hal. 397-398.
48. Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Aḥmad, *al-Mughnī*, (Beirut, Dār al-Fikr, 1984), Jil. 12, hal. 7.
49. *Ibid*.
50. Matlūb, “Al-Aṣl Barā’ah al-Muttaham”, *Huqūq al-Muttaham*, Jil. 1, hal. 201.
51. Al-Dusūqī, *Hāshiyah al-Dusūqī*, Jil. 4, hal. 189.
52. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Jil. 12, hal. 7.
53. ‘Awdah, *al-Tashrī‘ al-Jinā‘i*, Jil. 1, hal. 82.
54. ‘Awdah, *al-Tashrī‘ al-Jinā‘i*, Jil. 1, hal. 685.
55. Ini adalah disebabkan oleh berbagai halangan, antaranya halangan dari segi perundangan dan sebagainya.
56. Seksyen 23, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.
57. Mahmud Saedon, “Keterangan: Kepentingan dan Hukum Memberikannya”, *Jurnal Syariah*, Jilid 1, Bil. 1, hal. 26.
58. Heydon, *Evidence, Cases and Materials*, 37; McAlhone, *Evidence in a Nutshell*, 4; Murphy, *Murphy on Evidence*, 103.
59. Nagappan lwn. *Pendakwaraya*, [1988] SCJ, 271; lihat juga: Gan Poh Chye lwn. *Pendakwaraya*, [1968] 1 MLJ, 288; Nadaras lwn. *Pendakwaraya*, [1972] 2 MLJ, 47; Ang Boon Foo lwn. *Pendakwaraya*, [1981] 1 MLJ, 40.
60. Nathan, *A Practical Approach to Evidence*, 156-158.